

LAMPIRAN

Apakah kontrak syariah yang digunakan?

Kontrak Syariah yang digunakan untuk CL-i dan IF-i ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui aturan Tawarruq (Komoditi Murabahah). Ia adalah kaedah jualan dengan harga penambahan di mana Pelanggan membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusan jualan antara Pelanggan dan Bank merupakan komoditi khusus patuh Syariah yang boleh diniagakan.

Kontrak Syariah yang digunakan untuk Pertukaran Matawang Asing-i adalah Wa'd dan Bai' Al-Sarf. Ia adalah perjanjian oleh pelanggan untuk membeli atau menjual matawang, dengan pertukaran matawang asing lain pada tarikh hadapan yang telah ditetapkan berdasarkan kadar pertukaran yang telah dipersetujui.

Kontrak Syariah yang digunakan untuk Tradelines-i adalah seperti berikut:

Kontrak Syariah	Definisi
Wakalah (Wakil)	Kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai wakil (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran.
Pesanan Pembelian Murabahah (MPO)	"MPO" adalah aturan di mana pemesan belian (pembeli) berjanji (wa'd) untuk membeli aset yang dikenal pasti dan dinyatakan daripada penjual atas terma Murabahah bila mana penjual sudah memperoleh asset tersebut.
Bai' Dayn (Perdagangan Hutang)	Kontrak perdagangan hutang daripada aktiviti perniagaan yang patuh Syariah.
Kafalah (Jaminan)	Kontrak yang melibatkan sebarang bentuk jaminan yang diberikan oleh pemberi/penanggung jaminan (kafil) kepada pihak ketiga atas kewajipan yang harus ditunaikan pihak yang ditanggung/dijamin (makful anhu).

Bolehkah saya memilih untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut? Apakah kos yang terlibat?

Anda boleh memilih untuk penyerahan secara fizikal tertakluk kepada terma dan syarat oleh pihak Bank. Semua kos berkaitan dengan arahan anda untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut perlu ditanggung oleh anda.